

BAB I

LATAR BELAKANG DAN TUJUAN KAJIAN

1.1 Pengenalan

Akta Pendidikan 1996, telah menegaskan hala tuju dasar pendidikan negara dengan menyatakan:

DAN BAHAWASANYA adalah menjadi suatu misi untuk menghasilkan sistem pendidikan bertaraf dunia dari segi kualiti bagi memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan mencapai aspirasi negara Malaysia:

DAN BAHAWASANYA pendidikan mempunyai peranan penting dalam menjayakan wawasan negara demi untuk mencapai taraf negara maju sepenuhnya dari segi kemajuan ekonomi, keadilan sosial, dan kekuatan rohani, moral dan etika, ke arah mewujudkan suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, liberal dan dinamik: (ms.11)

Wan Mohd Zahid Wan Nordin (1993), menegaskan bahawa sistem pendidikan yang berwibawa dan responsif mestilah bersifat dinamis. Oleh itu dalam mengorak langkah untuk mencapai cita-cita negara ke arah pendidikan bertaraf dunia, peranan pengetua sekolah mestilah dinamik. Mohd Idris Jauzi (1994), mengatakan untuk mencapai cita-cita Wawasan 2020, yang juga sebenarnya wawasan pendidikan, sekolah perlu menjadi sekolah yang cemerlang. Manakala sekolah yang cemerlang pula adalah sekolah yang efektif atau sekolah berkesan (Abd. Karim Md Noor, 1993).

Kepemimpinan pengetua merupakan penentu paling utama kecemerlangan sekolah yang dipimpinnya (Edmonds, 1979; Hussein Mahmood, 1993; Miller, 1982). Keberkesanan sekolah lazimnya diukur dan dinilai dari segi kejayaan atau pencapaian sekolah dalam peperiksaan di samping mewujudkan kepuasan kerja (Hussein Mahmood 1993; Lipsitz, 1984; Sergiovanni, 1995). Ramai pengkaji juga mendapati bahawa kepemimpinan pengetua mempengaruhi iklim dan budaya sekolah, inovasi, reformasi, penambahbaikan, perubahan sekolah, moral, profesionalisme dan kepuasan kerja staf (Blumberg & Greenfield, 1980; Edmonds, 1979; Perkins, 1991). Ibrahim Mamat (1998), mengatakan bahawa pengetua adalah orang yang penting dalam sistem pendidikan sesebuah negara kerana pengetualah yang bertanggungjawab menentukan pendidikan kanak-kanak yang diletakkan dibawah jagaannya. Kajian-kajian terdahulu yang dibuat membuktikan bahawa kepemimpinan pengetua mempunyai pengaruh yang besar ke atas kualiti kejayaan sekolah, pencapaian murid dan kesanggupan guru (Ibrahim Mamat, 1998).

Hasil penyelidikan tentang sekolah berkesan juga mendapati bahawa pihak pengetua sekolah menghadapi dilema antara dua peranan yang berasingan, iaitu sebagai pemimpin pengajaran dengan pentadbir atau pengurus sekolah (Hussein Mahmood, 1993). Seterusnya kajian-kajian tentang sekolah berkesan menyarankan bahawa pengetua-pengetua sekolah harus berperanan sebagai pemimpin pengajaran kerana kepimpinan pengajaran dapat menghasilkan pembelajaran yang berkesan (Cawelti, 1980). Sebagai pemimpin pengajaran, pengetua atau guru besar perlu mengetahui perkembangan kurikulum, keberkesanan pengajaran, penyeliaan klinikal, perkembangan staf, dan penilaian guru (Anderson, 1987; Hanny, 1987).

Kepentingan peranan dan tugas pengetua dalam menentukan kejayaan sekolah dinyatakan oleh *The Select Committee on Equal Education Opportunity of The United States's Senate* pada tahun 1979 (dalam Hussein Mahmood, 1993) :

Dalam banyak hal, pengetua sekolah ialah individu yang paling penting dan berpengaruh di sesebuah sekolah. Dia ialah orang yang bertanggungjawab terhadap semua aktiviti yang berlaku di sekolah. Kepemimpinannya yang menetapkan nada sekolah, iklim pembelajaran, tahap profesionalisme dan moral guru serta darjah keprihatinan terhadap masa depan para pelajar. Pengetua juga adalah penghubung utama antara sekolah dengan komuniti dan cara dia menjalankan tugas dalam konteks ini menentukan sikap para ibu bapa dan pelajar terhadap sekolah. Seseorang akan mengatakan kepemimpinan pengetua lah yang menyebabkan sekolah itu berjaya, inovatif, tempat tumpuan para pelajar, terkenal kerana kecemerlangan dalam pembelajaran, dan terdapat pelajar yang gigih mengikut kebolehan masing-masing (ms. 5 – 6).

Ramai pengkaji telah mengiktiraf kepentingan peranan pengetua dalam menentukan kejayaan atau kegagalan sebarang pelaksanaan program pendidikan di sekolah (Berman dan McLaughlin, 1976; Fullan dan Pomfret, 1977; Leithwood dan Montgomery, 1982). Wyant et al. (1980), mengatakan hasil dapatan daripada penyelidikan yang telah dijalankan menunjukkan bahawa tanpa sokongan pengetua, semua usaha yang dilakukan oleh pihak luar untuk membuat perubahan di sekolah akan gagal. Pandangan ini disokong oleh Wideen dan Andrew (1984), yang menegaskan bahawa sebarang perubahan dasar mestilah dikomunikasikan dengan berkesan kepada guru-guru melalui sokongan pihak pengurusan di peringkat sekolah (pengetua) kerana tanpa sokongan tersebut guru-guru tidak boleh mencapai perubahan yang diharapkan tersebut.

1.2 Penyataan Masalah

Kepemimpinan pengetua adalah penentu paling utama kecemerlangan sekolah yang dipimpinnya. Keberkesanan sekolah lazimnya diukur dan dinilai dari segi kejayaan atau pencapaian sekolah dalam peperiksaan di samping mewujudkan kepuasan kerja di sesebuah sekolah itu (Hussein Mahmood, 1993; Sergiovanni, 1995). Shahril Marzuki (1997), dalam kajiannya untuk menentukan faktor-faktor penentu sekolah berkesan di Malaysia berdasarkan Model Lima Faktor yang diutarakan oleh Edmonds (1979), telah menyenaraikan beberapa ciri kepemimpinan yang berkesan dalam membentuk sekolah berkesan. Antaranya ialah mempunyai ciri-ciri positif, berinisiatif dan berwawasan bagi memajukan sekolah. Blumberg & Greenfield (1980), juga mendapati bahawa pengetua yang berjaya adalah pengetua yang proaktif dalam membina wawasan, misi dan matlamat. Wawasan memberi dorongan dan kuasa untuk memotivasi guru. Tingkah laku kepemimpinan ini sejajar dengan kepemimpinan transformasional yang disarankan oleh Burns (1978) dan Bass (1985).

Ismail Adnan (1998), menyatakan bahawa secara umumnya terdapat tiga tugas penting bagi seseorang pengetua, iaitu pelaksanaan kurikulum, pentadbiran, dan perhubungan kemasyarakatan. Walaupun begitu, yang menjadi tugas utama pengetua ialah pelaksanaan kurikulum, manakala dua tugas lagi hanyalah sebagai penyokong kepada tugas utama tersebut. Kenyataan ini sesuai dengan pendapat Watson (1980), yang mengatakan bahawa aspek yang penting di sesebuah sekolah ialah kurikulum, kaedah dan pendekatan pengajaran serta pengurusan sumber.

Menurut Hussein Mahmood (1993), pengetua adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan sesuatu kurikulum atau inovasi yang diperkenalkan di sekolah-sekolah. Bahkan pengetua jugalah yang akan menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu inovasi tersebut. Zais (1976), menyatakan bahawa untuk menjayakan pelaksanaan sesuatu program baru, pengetua harus mengenali dan merancang pelaksanaan itu secara berperingkat.

Ismail Adnan (1998), menekankan bahawa pengetua seharusnya mengutamakan pelaksanaan kurikulum dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Menurut beliau lagi, keadaan yang sebaliknya berlaku di negara kita apabila seseorang guru itu dilantik menjadi pengetua, dia akan lebih menumpukan kepada tugas-tugas pengurusan dan pentadbiran daripada tugas pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Noor Azmi Ibrahim (1988), dalam kajiannya telah mengemukakan bahawa guru yang melaksanakan KBSR tidak mendapat bimbingan daripada guru besar mereka. Hal ini telah menyebabkan tingkahlaku pengajaran guru-guru tidak banyak berubah. Dapatan ini selari dengan dapatan yang diperolehi oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (1987) dan Jemaah Nazir Persekutuan (1987), yang mendapati bahawa sebahagian besar guru masih mengamalkan tabiat pengajaran kurikulum lama. Wyant, et al., (1980) mengatakan kebanyakan program baru tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya disebabkan kurang penglibatan pengetua dalam program itu.

Berdasarkan kepada permasalahan di atas pengkaji ingin melihat sama ada tingkah laku kepemimpinan transformasional pengetua menyumbangkan kepada pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah menengah.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :

1. Mengukur tahap kepemimpinan transformasional pengetua mengikut persepsi guru.
2. Mengukur perbezaan tahap kepemimpinan transformasional pengetua di sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan.
3. Melihat persepsi guru-guru terhadap pelaksanaan inovasi kurikulum oleh pengetua di sekolah menengah.
4. Mengenal pasti hubungan antara kepemimpinan transformasional pengetua dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah menengah.

1.4 Soalan Kajian

1. Apakah tahap kepemimpinan transformasional di kalangan pengetua sekolah menengah?

2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kepemimpinan transformasional pengetua di sekolah berkesan dengan sekolah ~~kurang~~ berkesan?
3. Apakah persepsi guru-guru terhadap pelaksanaan inovasi kurikulum oleh pengetua di sekolah menengah?
4. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kepemimpinan transformasional pengetua dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah berkesan?
5. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kepemimpinan transformasional pengetua dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah kurang berkesan?
6. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kepemimpinan transformasional pengetua dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah menengah?

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara kepemimpinan transformasional pengetua dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah menengah. Kajian secara kuantitatif ini hanya melibatkan dua buah sekolah menengah di daerah Kota Setar, Kedah, iaitu sebuah sekolah berkesan dan sebuah sekolah

kurang berkesan. Sampel kajian pula hanya melibatkan 80 orang responden yang terdiri daripada guru-guru yang dipilih secara rawak bebas daripada kedua-dua buah sekolah tersebut. Pemilihan sampel kajian terpaksa dihadkan untuk disesuaikan dengan keperluan kursus dan tempoh masa yang ditetapkan untuk menyiapkan kajian. Oleh itu, dapatan kajian ini hanya boleh digunakan untuk sekolah-sekolah tersebut sahaja dan tidak boleh digeneralisasikan kepada semua sekolah menengah di negeri Kedah khususnya, ataupun di Malaysia amnya.

1.6 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pentadbir sekolah, khususnya pengetua untuk meneroka teori-teori kepemimpinan baru ke arah memantapkan amalan kepemimpinan sekolah. Kepemimpinan sekolah pada hari perlu disesuaikan dengan perubahan-perubahan pesat yang berlaku, khususnya dalam dunia pendidikan. Pengetua haruslah sentiasa mengemaskini pengetahuan dan kemahirannya dalam bidang kepemimpinan agar dapat menangani segala permasalahan baru yang sentiasa wujud dalam dunia pendidikan.

Kajian ini juga diharapkan dapat membantu pengetua-pengetua untuk mengenalpasti beberapa ciri kepemimpinan yang baik untuk diamalkan di sekolah. Ciri-ciri kepemimpinan transformasional seperti karisma, stimulasi intelektual, pertimbangan individu, dan motivasi inspirasi adalah ciri-ciri kepemimpinan dimensi baru yang dapat diamalkan di sekolah untuk mewujudkan sekolah yang lebih berkesan.

Seterusnya hasil kajian ini juga diharapkan dapat membantu Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri, dan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk merancang dan melaksanakan program-program latihan kepemimpinan untuk pengetua-pengetua sekolah ke arah melahirkan pengetua-pengetua yang berkesan.

1.7 Definisi Konsep

Konsep-konsep yang digunakan dalam kajian ini adalah didefinisikan seperti berikut :

1.7.1 Kepemimpinan transformasional – tingkah laku kepemimpinan yang berkarisma yang boleh mendorong dan memotivasi pengikut-pengikutnya ke arah perubahan serta pencapaian visi dan misi organisasi, menjadi sumber inspirasi pengikut, boleh merangsang intelek pengikut dengan mempengaruhi mereka untuk melihat masalah dari perspektif baru yang menumpu kepada penyelesaian masalah dan penaakulan, dan mengambil berat dan bertimbang rasa tehadap pengikut.

1.7.2 Inovasi Kurikulum - kurikulum yang sedia ada yang diberi elemen-elemen baru yang sebelumnya tidak terdapat dalam kurikulum tersebut. Kurikulum yang sedia ada tersebut akan diperbaharui supaya kurikulum itu akan menjadi lebih berkesan lagi daripada yang lama.

1.7.3 Pelaksanaan – merujuk kepada amalan-amalan inovasi kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah.

1.7.3 Sekolah Berkesan – Menurut Mortimore (1991), sekolah yang berkesan adalah sekolah yang pelajarnya mencapai kemajuan yang lebih baik daripada apa yang diharapkan. Secara amnya, sesebuah institusi pendidikan yang berjaya menghasilkan pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan dan kurikulum selalunya dianggap sebagai sekolah yang berkesan. Manakala menurut Hussein Mahmood (1993), keberkesanan sekolah lazimnya diukur dan dinilai dari segi kejayaan atau pencapaian sekolah dalam peperiksaan. Oleh itu dalam kajian ini sekolah yang berkesan adalah didefinisikan sebagai sekolah yang dapat mencapai prestasi akademik yang cemerlang dalam peperiksaan awam.

1.7.4 Sekolah Kurang Berkesan – sekolah yang tahap pencapaian akademiknya adalah lemah dalam peperiksaan awam.

1.7.5 Pengetua – ketua jabatan yang dilantik secara rasmi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mentadbir, mengurus dan memimpin sesebuah sekolah.